

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 7 RABU 12 FEBRUARI, 1969. 1388 رابو 24 ذو القعدة PERCHUMA

Istiadat mengurniakan bintang2 dan pingat2 kapada 106 orang

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah mengurniakan bintang2 Kebesaran Negeri Brunei dan pingat2 kapada 106 orang dalam satu istiadat yang telah di-adakan di-Lapau Bandar Brunei pada hari Rabu lepas.

Senarai pengurniaan itu telah di-dahului oleh yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Di-Raja Dato Seri Paduka Abbas Al-Sufri bin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Haji Ibrahim yang telah di-kurniakan dengan Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati, Darjah Pertama — S.P.M.B.

Bintang yang sama juga telah di-kurniakan kapada Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd Taha.

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia, Darjah Kedua — D.S.N.B., telah di-kurniakan kapada Pegawai Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei, Lt. Col. Dato Setia H. Burrows.

Tiga orang telah di-kurniakan dengan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa, Darjah Kedua — D.S.L.J.

Mereka ia-lah Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm MacInnes, Dato Seri Laila Jasa Awang P.A. Coates dan Dato Seri Laila Jasa Awang T.E. Owen.

Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Di-Hormati, Darjah Kedua — D.P.M.B. di-kurniakan kapada empat orang.


Mereka ia-lah Dato Paduka Awang Abdul Ghani bin Jamil, Dato Paduka Awang Norman Bradbury, Yang Berhormat Dato Paduka Awang R.D. Ross dan Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Lain2 yang telah menerima bintang2 dan pingat2 pada hari itu ada-lah seperti berikut:

Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa, Darjah Ketiga — S.L.J.

Awang G.R. Crowhurst, Awang Judin bin Asar; Pengiran Damit bin Pengiran Metussin; Awang Garaham Salleck dan Awang H.J.R. Bennett.

(Lihat Muka 8)



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan ketika mengurniakan Bintang Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S.L.J. kapada Pengarah Musik Pasukan Pancharagam Polis Di-Raja Brunei, Awang G.R. Crowhurst.

KOLERA DI-MALAYSIA BARAT: BRUNEI BUKA LANGKAH BERJAGA2

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dato Dr. P.I. Franks menyeru kapada orang ramai supaya berwaspada terhadap kemungkinan jangkitan penyakit kolera.

Seruan ini di-buat berikutan dengan penerimaan sa-buah pengumuman rasmi dari Malaysia bahawa penyakit kolera telah berlaku di-negeri Kedah.

Dato Franks berkata, walau pun negeri Kedah jauh jarak-nya dari Brunei tetapi hubungan-nya ada-lah rapat antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timor dari itu kedudukan-nya dekat-lah juga dengan negeri ini.

“Kolera hanya boleh berjangkit melalui makanan, dari itu semua makanan hendak-lah di-

masak sa-belum di-makan”, tambah beliau.

Semua ayer hendaklah di-masak sa-belum di-minum, tangan hendaklah di-bersehhkan sa-belum makan dan pinggan mangkok hendaklah di-rendam atau di-chelap ka-dalam ayer panas sa-belum di-gunakan.

Dato Franks juga menasehatkan supaya sampah hendaklah di-bakar atau sa-kurang2-nya di-timbus bagi menjauhkan lalat dari membiak.

Jika terdapat orang2 yang buang ayer besar dan muntah2 hendaklah di-laporkan dengan segera ka-klinik yang berhampiran supaya pihak perubatan menentukan yang mereka tidak di-serang oleh penyakit kolera.

Wang palsu di-jumpai

BANDAR BRUNEI. — Pengerusi Lembaga Mata Wang Brunei mengumumkan bahawa wang2 kertas palsu Malaysia yang berharga \$50.00 telah di-jumpai di-Brunei.

Beliau menasehatkan kapada orang ramai supaya berhati2 apabila menerima wang \$50 Malaysia dan mengingatkan mereka supaya memeriksa dengan teliti untuk menentukan yang wang2 kertas itu ada-lah tulin.

Wang2 kertas palsu itu susah hendak di-kesan kerana chetakkan-nya bermutu tinggi dan ia-nya juga mempunyai tikas ayer dan tanda keselamatan.

Lembaga Mata Wang Brunei tidak akan menerima wang2 palsu yang digunakan sa-bagai pembayaran kapada-nya.

Penasehat untuk

Pusat Belia

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri mengumumkan bahawa enam orang di-chadangkan akan di-lantek untuk menjadi penasehat bagi melichinkan pentadbiran Pusat Belia yang hampir siap sekarang.

Ke-enam2 orang itu, katanya, ada-lah dari Majlis Belia2, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Jabatan Pelajaran, Hal-Ehwal Ugama, Polis dan sa-orang dari orang ramai.

Sa-orang Penyelia Pusat itu akan di-lantek dan peruntokan-nya telah pun di-sediakan.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan

ALLAH - HU - AKBAR, Allah-hu-akbar, Allah-hu-akbar, Walillah-heel-hamd. Terlebih dahulu Beta bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang telah memberi rahmat-Nya, menjayakan kita bersama2 menunaikan satu rukun yang menghendaki kita semua berpuasa pada bulan Ramadhan yang di-lebihkan Tohan mertabat-nya itu. Sa-telah sempurna dikerjakan rukun yang penoh dengan hekat2 dan ajaran2 itu, pada sa'at ini, Alhamdulillah, kita di-bolehkan pula bersama2 lagi merai'kan satu kejayaan yang gemilang di-dalam keadaan dan suasana yang aman, dan penoh dengan kesejahteraan serta keharmonian. Rahmat saperti ini sudah-lah kena pada tempat-nya kita rai'kan sa-chara ikhlas sambil memperkukuhkan Iman laila ehsan kita terhadap Allah Subhanahu Wata'ala dan memperpesatkan tenaga kita laila mengharungi kesejahteraan perkembangan2 yang di-wajibkan oleh-Nya kepada kita semua.

Rakyat Beta yang di-kasehi sekalian serta penduduk2 Negeri Brunei yang sama2 kita cintai ini,

Pada sa'at yang berbahagia saperti ini di-tahun lepas Beta

telah tegaskan, antara lain-nya bahawa usaha2 Kerajaan Beta melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama-nya ada-lah merupakan satu langkah untuk memperluaskan ugama yang sa-benar2-nya kepada isi Negeri Brunei Darul-Salam yang menganut ugama laila Islam atau kepada kehidupan beriman asas keislaman yang sauh-nya laila ehsan sa-bagai satu CHARA HIDUP YANG SENTOSA. Beta telah difahamkan bahawa kalimat yang menekankan Islam sa-bagai satu chara hidup yang sempurna hendak-nya-lah menjadi satu laila renongan dan laila perbahathan serta perbinchangan di-kalangan rakyat Beta yang di-kasehi sekalian; terutama sekali di-lengkong kumpulan2 intelek atau cherdek pandai yang jujur laila amanah dalam Negeri Brunei Darul-Salam. Kepada kumpulan2 khusus-nya kapada golongan alim2 ulama yang wara laila waras sekalian Beta ingin menyampaikan ucapan tahniah Beta kerana terdapat-nya kenchenderongan2 dalam perkara yang telah memberikan erti yang besar kepada Beta sendiri. Beta gembira kerana niat suchi kita untuk menjadikan iman laila asas keislaman sa-bagai satu chara hidup yang sederhana indah laila bermutu di-negeri ini telah di-sambut dengan sikap yang bertanggung jawab dan membena dari pihak2 tertentu laila amanah saperti yang di-harap2kan.

Bersemperanan dengan hari yang di-berkat Allah Subhanahu Wata'ala ini dan berasaskan antara ajaran2 yang boleh di-timbulkan betapa pahit-nya pada mengalami lapar dan dahaga dalam sa-bulan puasa yang baru saja kita bersama2 sempurnakan dengan laila ketabahan hasrat hati,

jika-lah berpuasa itu merupakan satu kawalan terhadap per-makanan dan perminuman, maka renongkan-lah niat suchi, chita2 yang berkebakikan laila di-perchayai yang mana Tohan maha melihat dan maha mengetahui inginkan niat dan chita2 dalam hati hamba-nya yang jujur, suchi morni laila di-harap sa-bagai kata orang tua2 dahulu:

Ala langkah perbuatan dza-hir,

Laila endah kesuchian batin,

Mengenai tingkah, kelakuan kita,

Niat yang bersekh kandil pelita.

jelas-lah serta terbukti-lah bahawa Islam bukan-nya Ugama yang hanya mengisi kehen-dak2 hawa nafsu yang tamak bahkan ia-nya juga merupakan dan meliputi semua aspek2 kehidupan yang berbahagia laila kebajikan dan mendahulukan mengija pada membetolkan huruf bacaan.

Rakyat Beta sekalian,

Islam menekankan keperchayaan ada-nya Tohan dan dengan keperchayaan ada-nya Tohan, perchayakan Rasul2, kitab2 suchi, melaikat2, perchayakan hari kiamat, perchayakan untong baik dan untong jahat daripada Tohan (perbuatan baik balas-nya shorga perbuatan jahat balas-nya neraka di-segi atau menurut Shara) demikian juga saperti pada atau di-segi kedunia-an di-bentuk berjenis undang2 pada melaksanakan betapa berbagai2 pembicharaan di-dalam mahkamah.

Oleh itu kapada pegawai2 yang Beta tugaskan untuk mengendalikan pentadbiran kerajaan dan rakyat penduduk

Titah ucapan sa-penoh-nya oleh D. Y. M. M. Paduka Seri Baginda Sultan bagi menyambut Hari Raya Aidil Fitri yang lalu

BEBERAPA kesilapan telah di-temui dalam siaran muka depan akhbar ini keluaran 25 Disember 1968 yang bertajok Amanat Aidil-Fitri dari D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan.

Atas kesilapan2 itu, Bahagian Akhbar, Jabatan Penyiaran dan Penerangan menuntut maaf.

Untuk memahami sa-chara lebeh mendalam atas titah Baginda ka-seluruh raayat itu, di-bawah ini di-perturunkan titah itu dengan sa-penoh-nya.

Negeri Brunei Darul-Salam Beta berseru khas-nya mereka yang menganut ugama Islam supaya membaharui dan mengelokkan lagi pengetahuan dan iman laila ehsan yang asas keislaman. Hanya orang2 yang berilmu berpengetahuan yang terpelajar saja yang boleh memberikan harapan besar kapada raayat dan isi Negara Brunei Darul-Salam ini. Mudah2an Allah Subhanahu Wata'ala akan mengechualikan kita semua daripada mereka yang mengechil2kan atau tidak mengindahkan laila ajaran ugama Islam dan memisahkan atau mengetepikan Islam sa-bagai satu bahagian kecil saja daripada asas perjuangan dan bualan dzahir di-segi kehidupan sa-tiap hari. Izinkan-lah juga Beta mengatakan bahawa hanya mereka yang menunaikan kewajipan2-nya sa-bagai sa-orang Islam saja yang dapat memahami dan mengamalkan hasrat2 konsip Islam saperti yang Beta istilahkan itu kerana pada asas-nya dalam menunaikan rukun2 Islam itu, itu-lah terdapat dan terkandung rahsia iman keislaman yang lengkap sa-timbal lagi harmoni itu.

Rakyat Beta dan penduduk2 negeri ini yang di-kasehi sekalian,

Pada sa'at yang di-berkat ini Beta dan keluarga Beta ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Berhari Raya kapada seluruh rakyat dan penduduk serta yang ada di-negara Brunei Darul Salam ini. Beta berdo'a mudah2an Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberikan rahmat dan petunjuk-Nya kepada kita semua, dan dapat pula menikmati kebahagiaan yang saperti ini pada tahun2 yang akan datang dalam keadaan yang sehat walafiat dan di-bawah suasana yang berkeselamatan, berkesentosaan dan berkemakmoran serta dengan pegangan dan azam yang lebeh kukuh dan mendalam untuk terus menuju ka-arrah kebajikan bermasyarakat yang sa-benar-nya kerana Allah, Allah-hu-akbar, Allah-hu-akbar, Allah-hu-akbar.

KHUTBAH JUMA'AT

SUKATAN DAN TIMBANGAN:

Orang2 yang tidak lurus dan jujur akan terima azab yang pedih di-hari kiamat

DALAM kehidupan kita sa-hari2, khas-nya dalam perkara jual beli, kita menggunakan sukatan dan timbangan yang mana harga sa-suatu barang itu pada lazim-nya di-tentukan oleh sukatan dan timbangan-nya. Dengan demikian dapat-lah

di-ketahui bahawa sukatan dan timbangan mempunyai peranan dalam kehidupan kita.

Berhubung dengan perkara sukatan dan timbangan ini, surat khabar 'Pelita Brunei,' akhbar rasmi Kerajaan Negeri Brunei keluaran 15 Januari 1969 memuatkan berita seperti berikut:

Pemereksaan tahunan ka-

atas sukatan dan timbangan di-Bandar Brunei yang bermula sejak 2 Februari lepas akan di-teruskan hingga 27 Februari hadapan.

Pada 4 Mach 1969, pegawai dan kaki-tangan Jabatan Sukatan dan Timbangan akan melawat ka-Muara, Serasa dan Batu Marang. Orang2 yang mempunyai alat2 sukatan dan timbangan di-kawasan tersebut ada-lah di-kehendaki membawa alat2 mereka ka-Muara untuk di-pereksa.

Dari 5 hingga 15 Mach, rombongan tersebut akan berada sa-mula di-Bandar Brunei. Pemereksaan yang serupa akan di-jalankan di-kampung2 Baru2 dan Berbunut pada 17 Mach. Rombongan tersebut kemudian-nya akan berada sa-mula di-Bandar Brunei dari 18 hingga 31 Mach dan 9 April hingga 12 April dan dari 21 hingga 30 April. Di-Daerah Temburong, pemereksaan alat2 tersebut akan di-lakukan dari 15 April hingga 19 April.


Lawatan2 lanjut ka-tempat2 lain akan di-umumkan kemudian. Orang2 yang memileki alat2 sukatan dan timbangan ada-lah di-kehendaki di-sisi undang2 dan mereka boleh dikenakan denda dan alat2 mereka akan di-rampas.



Memandang penting-nya alat2 sukatan dan timbangan dalam kehidupan sa-hari2 maka ada-lah sangat perlu supaya orang2 yang memileki-nya mematohi undang2, di-samping itu orang2 yang menyukat atau menimbang hendak-lah jujur dan lurus, kerana perkara ini sangat-lah di-ambil berat oleh ugama kita. Perkara ini tersebut dalam kitab suci Al-Koran Al-Karim dalam surah *Al-Mutaffifina* yang mana surah tersebut menyatakan maksud-nya bahawa sangat-lah chelaka-nya orang2 yang menipu dalam perkara sukatan dan timbangan, bagi mereka itu 'azab yang sangat pedih di-hari kiamat. Mereka itu apabila menyukat dari orang lain untuk diri mereka sendiri, maka sukatan itu mereka chukopkan, tetapi apabila mereka itu menyukat atau pun menimbang sa-suatu untuk orang lain, maka sukatan itu mereka kurangkan. Perbuatan mereka itu ada-lah bertentangan dengan ajaran ugama yang maha suci, mereka itu sa-olah2 tidak menyangkakan bahawa mereka itu akan di-bangkitkan di-hari kiamat nanti dalam mana semua manusia akan berdiri di-hadapan Tohan untuk menghadapi hisab amalan masing2.

Kitab suci Al-Koran sangat mengambil berat mengenai dengan sukatan dan timbangan ini, yang mana sa-olah2 ajaran2 Al-Koran itu mensifatkan orang2 yang tidak jujur dalam perkara sukatan dan timbangan mengengkari akan hari kemudian.

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan kepada seluroh rayat dan penduduk negeri ini yang menggunakan sukatan dan timbangan hendak-lah berlaku jujur, hendak-lah menyukat dengan sa-chukop-nya dan hendak-lah menimbang dengan sempurna.



Gambar atas menunjukan masjid baru di-Kampung Kilanas yang telah di-bena oleh penduduk2 di-kawasan itu dengan menelan belanja kira \$34,000.00.

Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah menyumbangkan sa-banyak \$15,000.00 dan baki-nya ada-lah hasil kutipan dari penduduk2 di-kawasan itu dan orang ramai.

Masjid tersebut boleh menampung kira2 300 orang untuk berjemaah.

Ia-nya akan menggantikan masjid lama yang ada sekarang yang telah di-bena dalam tahun 1951.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 12 Februari, 1969 hingga ka-hari Selasa 18 Februari, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
12 Feb.		12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
13 Feb.		12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
14 Feb.		12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
15 Feb.		12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
16 Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
17 Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
18 Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



12 Februari, 1969.

"TAMU" BELAIT

TAMU telah di-pandang sebagai satu chara yang lebih baik untuk menggalakan peladang2 di-negeri ini menumpukan usaha2 mereka yang lebih giat dalam penghasilan pertanian.

"TAMU" juga di-anggap sebagai satu temasha peladang yang boleh melahirkan semangat berusaha bukan hanya peladang2 itu mendapat hasil lumayan dari penat jerih mereka bahkan dapat menghubungkan mereka dengan penduduk2 bandar dengan chara yang lebih rapat lagi.


Pada hari Ahad lepas Daerah Belait telah mengurak langkah-nya untuk memberi peluang khas kepada peladang2 di-daerah itu untuk menjual hasil2 pertanian mereka dengan mengadakan TAMU di-Seria. TAMU ini di-adakan dua kali sa-minggu ia-itu pada tiap2 hari Jumaat dan hari Ahad.

Dengan ini tiap2 daerah di-seluruh negeri sudah ada mempunyai "TAMU" masing2 ia-itu satu di-Daerah Tutong, Temburong, Belait dan dua di-Daerah Brunei dan Muara. Kedua2 di-Daerah Brunei itu ia-lah di-Bandar Brunei dan Pantai Muara.

Dari kelima2 TAMU itu, satu keistimewaan hanya terdapat pada TAMU Belait yang menunjukkan keasliannya menurut kehendak2 temasha itu di-adakan. Istime-wa yang di-maksudkan itu ia-lah TAMU Belait di-khususkan kepada hasil2 tanaman dan ternakan sahaja dan di-anjurkan pula oleh Persatuan2 Peladang Daerah Belait yang ahli2-nya sa-bilangan besar ada-lah penduduk2 pendalaman ia-itu penduduk yang memang terkenal dengan penghidupan chara bertani dan berternak sahaja.

TAMU2 yang lain semuanya bersifat rojak seperti yang terdapat di-Bandar Brunei yang bukan hanya menjual bahan2 tanaman sahaja, tetapi juga kain2, kueh2, ikan2 kering dan penjualan berbagai2 barang dari luar negeri.

Apakah TAMU di-Belait itu tidak akan di-masuki oleh keadaan yang demikian atau pen-yeludupan orang2 tengah? Hal ini kemungkinan-nya masih jauh lagi untuk di-telah, tetapi pada hari pertama TAMU itu di-buka keadaan itu langsung tidak ada dan sayor2an dan ternakan2 yang di-jual jauh lebih murah dari yang di-dapati di-TAMU, Bandar Brunei. Ini menyebabkan TAMU itu awal habis kerana kelarisan penjualan-nya dan wajah peladang2 itu di-hungai kergirangan. Pembeli2 merasa lega. Apakah keadaan ini akan berpanjangan?




Ini-lah bangunan baru Jabatan Kenderaan Darat, di-Jalan Gadong.



Dua orang kerani sedang melayani tetamu2 yang datang.



Kesebukan2 seperti yang kelihatan dalam gambar ini ada-lah merupakan yang biasa bagi berlaku di-Jabatan Kenderaan Darat terutama di-akhir dan awal tahun. Kaki-tangan2-nya sebak melayani orang ramai.




KENDERAAN DARAT DENGAN BANGUNAN BARU DI-GADONG



Pengawal Kenderaan Darat, Dato Paduka Awang Abdul Ghani bin Jamil.

Pegawai Pemeriksa Kenderaan sedang menjalankan tugas-nya memeriksa sa-buah lori dengan menggunakan jek otomatik.



Kawasan ujian memandu yang di-tempatkan di satu kawasan bangunan Jabatan yang di-sebutkan.

KEADAAN penoh sesak di-Jabatan Kenderaan Darat telah dapat di-atasi dengan ada-nya penyusunan semula sistem pentadbiran di-jabatan itu sejak berpindah ka-bangunan yang baru di-Jalan Gadong.

Sa-waktu di-bangunan lama yang berhampiran dengan Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei keadaan sesak itu tidak dapat di-elakkan di-sebabkan semua bahagian2 dalam jabatan itu terpaksa di-lungokkan kepada satu tempat kerana keadaan bangunan sementara itu terlalu kecil.

Bangunan baru yang mengandungi dua tingkat itu di-bena di-atas tanah yang luas-nya 2½ ekar dan di-sekitar bangunan itu di-susun tempat penarohan kereta, tempat2 ujian memandu, pemeriksa lori2 dan tempat menimbang lori2 yang di-hadkan muat-nya.

Di-tingkat atas bangunan itu terbahagi kepada empat bahagian ia-itu Pejabat Pengawal, Pejabat Setia Usaha Lembaga Melesen Kereta2 Sewa, Bilek Mashuarat Lembaga Melesen Kereta2 Sewa dan Pejabat 'Am.

Di-tingkat bawah pula mengandungi empat bahagian ia-itu Pejabat Pegawai Pendaftar, Pejabat Mengeluarkan lisen2, Bilek Menguji Pemandu2 dan Pejabat Pegawai2 Pemeriksa Kereta.


Pengawal Kenderaan Darat, Dato Paduka Awang Abdul Ghani bin Jamil menerangkan bahawa dengan sistem pentadbiran yang ada sekarang ini telah dapat mengurangkan keadaan penoh sesak yang berlaku pada saban hari, terutama pada penghujung dan awal tahun.

Orang ramai yang datang ka-jabatan itu telah di-sediakan tempat duduk yang khas di-samping tidak menghadapi kesesahan penarohan kereta yang tersusun rapi di-kawasan jabatan itu.


Jabatan itu juga sedang berikhtiar untuk menambahkan pegawai2 dan kakitangan-nya bagi melicinkan lagi perkhidmatan2 untuk melayani orang ramai yang semakin bertambah mempunyai kenderaan.

Untuk perhubungan yang lebih mudah, Jabatan Kenderaan Darat di-bekalkan dengan telefon yang baru yang menggunakan dua saluran nombor panggilan ia-itu nombor2 3161 dan 3162.

Timbangan ini boleh mengeluarkan kad yang menunjukkan tanda berat dan tarikh menimbang. Ia-nya di-gunakan bagi menimbang lori2 yang di-hadkan berat-nya.



Bilek Mashuarat Jawatankuasa Lembaga Melesen Kereta2 Sewa yang letak-nya di-tingkat atas.



Kenderaan yang di-taruh berselerak ini tanpa sistem penarohan yang teratur menunjukkan kepadatan yang selalu terjadi di-kawasan bangunan lama Jabatan Kenderaan Darat.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-PEJABAT DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan2 Kosong di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

i) PENGARANG:

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan Seberang Laut atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya.
- Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang baik.
- Mempunyai pengetahuan dalam hal pendidekan.
- Telah mengikuti kursus menarang buku bacaan sekurang2-nya sa-lama satu tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$660 x 30 - 900. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

ii) PENOLONG PENGARANG:

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang sa-banding dengan-nya.
- Mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang baik dalam hal menarang makalah dan cerita pendek.
- Berpengalaman dalam kerja2 Majalah dan akhbar sa-lama sekurang2-nya dua tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

iii) PENYEMAK:

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang berkelulusan Sijil Persekolahan Menengah yang mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu.
- Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal pekerjaan menyemak sekurang2-nya sa-lama satu tahun; atau
- Mempunyai kelulusan yang sa-banding dengan-nya dan berpengalaman dalam hal ehwal perchetakan atau penerbitan.

SA-BAGAI TUKANG KEBUN/PEMBERSEH

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada raayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Tukang Kebun/Pembersehh di-Jabatan Muzium, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 tahun dan tidak lebih dari 35 tahun.

Tugas2:

Chalun yang berjaya akan bertugas membersehh kawasan luar Muzium dan menjaga tanaman2 bunga yang di-tanam di-sekitar bangunan Muzium.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang bekerja bergaji hari di-Jabatan Muzium.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.1 EB 2 — \$160 x 5 - 175/EB/180 x 5 - 195.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi dari-pada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Februari, 1969.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

iv) PENOLONG PEGAWAI ISTILAH:

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang berkelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut/Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau mempunyai kelayakan2 yang sa-banding dengan-nya. Mereka yang mempunyai pengalaman dalam bidang Istilah sa-lama dua tahun, sa-bagai tambahan kepada kelayakan2 yang di-kehendaki, akan di-beri keutamaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

v) PEGAWAI ISTILAH:

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Persekolahan Menengah Atas atau yang sa-banding dengan-nya.
- Mempunyai pengetahuan yang baik dalam Bahasa Melayu.
- Mempunyai pengetahuan dalam selok belok bahasa Inggeris dan Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$660 x 30 - 900. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

vi) PEGAWAI PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan Tingkatan III Sekolah Menengah.
- Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal perpustakaan sa-lama sekurang2-nya dua tahun; dan
- Mempunyai pengetahuan atau pernah mengikuti kursus dalam hal perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

vii) PEMBANTU PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu dan raayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian.
- Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya telah menjalani Tingkatan III di-Sekolah Menengah.
- Mempunyai bakat untuk pekerjaan ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1 EB 2 — \$210 x 10 - 260/EB/270 x 15 - 360. Gaji permulaan mengikut kelayakan dan pengalaman.

viii) ATENDAN PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2:

- Pemohon2 hendaklah orang Melayu dan raayat D.Y.M.M. Sultan atau yang berhak di-daftarkan sedemikian.
- Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya telah menjalani Tingkatan III di-Sekolah menengah.
- Ada mempunyai bakat untuk jawatan ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$200 x 10 - 270/EB/280 x 10 - 330. Gaji permulaan mengikut kelayakan2 dan pengalaman.

ix) JURU GAMBAR:

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan Sekolah Menengah atau yang sa-banding dengan-nya.
- Mempunyai bakat, pengalaman dan kebolehan dalam hal mengambar; atau
- Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang disebutkan dalam (a) tetapi mempunyai bakat, pengalaman dan kebolehan dalam hal penggambaran yang istimewa akan di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB 4 — \$210 x 10 - 270 x 15 - 360 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan mengikut pengalaman dan kelayakan.

Sharat2 Lantekan:

Pemohon2 yang berjaya yang bukan dari raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa percutaan sa-lama 6 bulan. Pemohon2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau berhak di-daftarkan sedemikian akan di-lantek ka-jawatan tetap selepas satu tempoh percutaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi dari-pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1969.

SA-BAGAI PEGAWAI IMIGERESAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang menjadi raayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pegawai Imigresen di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei (5 kosong).

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris dan Darjah IV Melayu. Mereka yang hanya lulus Tingkatan II Inggeris dan Darjah IV Melayu tetapi telah berkhidmat di-Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan juga akan di-pertimbangkan.
- Chalun2 mesti-lah berumur di-antara 17 dan 25 tahun dan mereka yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat dalam Negeri ini.

Sa-bagai Pelateh Teknik

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang menjadi raayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Pelateh Teknik di-Jabatan Talikom, Brunei. (12 kekosongan).

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 16 dan 19 tahun dan hendaklah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Kira2, Fisik dan Bahasa Inggeris atau mempunyai kelulusan ordinary level G.C.E. dalam Ilmu Kira2, Fisik dan Bahasa Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB 3 — \$200 x 10 - 270/EB/280 x 10-330. Chalun2 yang terpilih akan di-tawarkan gaji permulaan sa-banyak \$260/- sa-bulan.

Latehan:

Chalun2 yang berjaya akan menjalani latehan Kejuruteraan Talikom di-Brunei dan seberang laut sa-lama dua tahun. Sa telah menamatkan masa latehan dengan memuaskan, Pelateh2 akan di-anggap sa-bagai Pembantu Teknik dalam sukatan gaji D.2-3 EB/4 dengan di-beri gaji permulaan sa-banyak \$300/-sa-bulan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi dari-pada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Februari, 1969.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB 4 — \$210 x 10 - 270 x 15 - 360 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi dari-pada Pegawai Perjawatan, Brunei hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Mach 1969.

Rawatan bagi 13 orang yg. mengidap penyakit untut

BANDAR BRUNEI. — Projek Penghapus Malaria telah mula merawat dengan memberikan sa-jenis ubat kepada 13 orang yang mengidap penyakit untut di-Daerah Tutong.

Rawatan yang telah dimulakan dalam pertengahan bulan lalu itu ada-lah di-bawah pengawasan Pegawai Perubatan Tutong.

Sa-orang juruchakap Jabatan Perubatan dan Kesihatan di-Tutong berkata tiap2 orang yang mengidap penyakit itu akan di-berikan beberapa dose ubat dengan mengikut berat dan ukoran badan sa-seorang itu.

Sa-masa dalam rawatan, orang yang mengidap penyakit itu akan di-uji darah-nya pada tiap2 minggu bagi menentukan jumlah ubat yang di-perlukan untuk menghapuskan kuman untut dalam darah.

Kata-nya sa-telah tiga atau empat minggu menerima rawatan, kuman dalam darah mungkin akan hilang dan orang yang sakit itu sembuh pada perengkat itu sahaja.

Sa-lepas menerima rawatan, orang2 itu akan di-pereksa darah-nya sa-hingga masa yang tidak di-tetapkan.

Ketika mengulas mengenai rawatan itu, Ketua Projek Penghapus Malaria, Dr. Y.T. Wu berkata, rawatan itu adalah pertama kali-nya pernah di-lakukan di-negeri ini.

Sa-orang mengidap penyakit itu boleh sembuh dalam masa tiga atau empat minggu rawatan, tetapi mudah di-serang nyamok2 yang membawa kuman untut.

Dr. Wu berkata, langkah2 pengawalan yang baik dan berkesan ia-lah dengan jalan menghapuskan nyamok2 itu.

Kata-nya, kaki tangan jabatan-nya sedang menjalankan penyiasatan kemungkinan ada-nya nyamok2 kuman untut di-kawasan2 jangkitan di-

Daerah Tutong.

Beliau mensifatkan kemajuan2 yang di-chapai sekarang dalam perengkat perchuban.

Projek Penghapus Malaria mula2 sekali menjalankan penyiasatan-nya dalam bulan Jun tahun lalu, berikutan laporan ada-nya tanda2 penyakit untut di-daerah itu.

Hingga bulan Disember tahun lalu, kaki tangan projek itu telah memereksa chontoh2 darah dari 2,679 orang dan mendapati 13 orang di-serang oleh penyakit itu.

Langkah penyiasatan itu akan di-teruskan di-daerah Tutong, hingga rombongan projek tersebut dapat mengasingkan-nya dan mendapati kawasan2 penyakit untut di-daerah itu.

BERHATI2 BILA MEMANDU KERETA

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Pesuruhjaya Pulis Pengiran Dato Utama Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah menasehatkan pemandu2 kereta supaya berhati2 ketika melalui jalan2 satu hala di-Bandar Brunei.

Beliau berkata, oleh kerana kerja memasang saloran najis sedang di-jalankan, kebanyakan jalan2 raya di-kawasan bandaran hanya sa-paroh dari jalan itu dapat di-gunakan.

Beliau menegaskan gangguan ini hanya sementara dan pemandu2 kereta akan dapat menggunakan jalan2 itu sa-perti biasa sa-baik2 sahaja kerja memasang saloran najis itu selesai.

Pengiran Dato Utama Jaya menyeru pemandu2 kereta supaya memandu dengan chermat dan mengikut isyarat2 lalu lintas yang terdapat di-jalan2 raya.



BANDAR BRUNEI. — Sa-orang lagi jemaah haji Brunei telah meninggal dunia ketika dalam perjalanan ka-Mekah untuk menunaikan fardhu haji.

Beliau ia-lah Awang Safar bin Hashim, (gambar atas) Ketua Kampung Bukit Panggal, Tutong yang telah meninggal dunia di-Madinah pada minggu lalu.

Allahyaraham Awang Safar berumur 76 tahun telah bertolak meninggalkan Brunei dengan kapal terbang bersama2 isteri-nya pada 27 Januari yang lalu.

Allahyaraham meninggal dunia sa-telah berada dua hari di-Madinah.

1,500 orang murid masok sekolah Inggeris

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 1,500 orang murid dari sekolah2 rendah Melayu dan China di-seluruh negeri telah mulai belajar di-sekolah2 persediaan Inggeris kerajaan pada minggu lalu.

Mereka itu telah di-pileh dari 2,526 orang murid yang telah memasoki peperiksaan dalam bulan September tahun lalu.

Dari jumlah tersebut, sa-ramai 453 orang ia-lah dari Brunei Satu, 388 orang dari Brunei Dua, 66 orang dari Brunei Tiga, 111 orang dari Tutong Satu, 69 orang dari Tutong Dua, 268 orang dari Daerah Belait, 34 orang dari Daerah Temburong dan 111 dari sekolah2 China.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, jumlah ini ada-lah yang terbesar pernah di-masokkan ka-sekolah Inggeris.

Pada tahun lalu sa-ramai 1,365 orang murid dari sekolah2 rendah Melayu dan China telah di-masokkan ka-sekolah2 persediaan Inggeris.

PERLAWANAN BOLA SEPAK ANJORAN MAJLIS BELIA2

BANDAR BRUNEI. — Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjorkan perlawanan bola sepak terbuka kepada semua persatuan2 belia di-negeri ini untuk merebut piala yang di-hadiahkan oleh penuntut2 Brunei di-United Kingdom dan sa-buah perisai yang telah di-hadiahkan oleh penolong menteri Kebajikan dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Mohd. Yusof bin Pengiran Limbang.

Perlawanan akan di-jalankan sa-chara kalah mati dan akan di-mulakan 28 Februari ini di-kekolakan oleh Persatuan Belia Sumbiling.

Setia Usaha persatuan tersebut, Awangku Suhaimi bin

Pengiran Wahid berkata, bo-rang2 bagi memasoki perlawanan tersebut telah pun di-edarkan kepada persatuan2 belia di-negeri ini.

Bayaran bagi memasoki perlawanan itu akan di-kenakan sa-banyak \$10.00 bagi satu pasukan.

Awangku Suhaimi mengingatkan kepada persatuan2 belia supaya menghantar bo-rang2 yang telah di-isi kepada Awang Hussain bin Orang Kaya Di-Gadong, Pejabat Kewangan atau Awang Mohamad bin Cheku, Pejabat Hal Ehwal Ugama Bandar Brunei tidak lewat dari 21 Februari ini.

SI-TUYU

oleh: m.salleh ibrahim



KIAN PESAT PERKEMBANGAN, SETIAP INCHI MENGHENDAKI KEWASPADAAN

PEGAWAI DAERAH TOLAK SHOR BAGI ADAKAN BUROH2 KEKAL

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menolak chadangan untuk mengadakan buroh kekal bagi pemeliharaan jalan2 kechil di-pendalaman daerah itu.

Ini telah di-buat beliau ketika menggulung ucapan2 penanggoahan yang di-sampaikan di-sidang Majlis Mashuarat Daerah tersebut yang berlangsung di-Bilek Mashuarat Jabatan Daerah pada pagi Sabtu lepas.

Pengiran Dato Paduka Momin berkata bahawa Kerajaan pernah mengadakan buroh2 yang di-maksudkan itu, tetapi terpaksa di-tiadakan kerana membazirkan wang tanpa mendapat faedah yang sa-timbal dengan kerja2 buroh2 itu.

Jalan2 kechil itu, tegas beliau, bukan-lah pemeliharaan-nya dilakukan pada saban hari dan ia-nya hanya di-lakukan pada waktu2 yang tertentu sahaja bergantung kepada kerosakan2 yang perlu diperbaiki.

Beliau menambah, jika buroh2 itu di-kekalkan juga sedangkan kerja tidak ada yang di-buat, maka ini hanya akan membazirkan wang sahaja untuk membayar gaji2 mereka.

Walau pun begitu, tegas beliau, Kerajaan mempunyai satu chara untuk pemeliharaan jalan kechil itu dengan tidak merugikan mana2 pihak pun ia-itu dengan melalui chara pemborongan.

Pengiran Dato Paduka Momin berkata, jika di-fikirkan perlu untuk menjalankan kerja2 memperbaiki jalan2 kechil itu, maka kerja2 itu akan di-borongan kepada penduduk2 di-situ.

Langkah ini, kata beliau, ada-lah yang berpatutan kerana ia-nya merupakan peluang kepada penduduk2 di-situ bagi menambahkan pendapatan mereka hanya menumpukan ka-pa-da usaha2 pertanian dan penternakan sahaja.

Beliau berkata, jika di-adakan buroh2 kekal yang terdiri dari penduduk2 kampung, maka mereka terpaksa menumpukan perhatian dengan kerja mereka sahaja dan peluang untuk mereka berchuchok-tanam dengan sendiri-nya tertinggal.

"Tetapi dengan chara memborongan itu, penduduk2 itu akan berpeluang pula bagi mengusahakan tanah mereka selesai sahaja kerja2 pemborongan itu di-lakukan. Ini merupakan dua chara bagi mereka dalam usaha meninggikan taraf hidup", tegas beliau.

Meneruskan ulasan-nya, Pengiran Dato Paduka Momin menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa bertujuan hendak mencapai perkembangan dan kemajuan yang lebih baik bukan hanya bagi Daerah Belait sahaja, bahkan meliputi kepada daerah2 yang lain di-negeri ini.

Tetapi, tegas beliau, Kerajaan sudah sa-mesti-nya melaksanakan dan memelihara satu2 projek itu dengan chara yang menjimatkan di-samping memberikan faedah kepada raayat.

Terdahulu dari itu, Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin

Puteh, ahli bagi kawasan Panglima berkata, pembinaan bangunan2 moden saja ada-lah tidak mencukupi dan Kerajaan mesti-lah berusaha bagi meninggikan taraf hidup penduduk2 yang tinggal di-kawasan2 luar bandar.

Awang Zainal Abidin berkata, pada masa ini hanya orang2 yang tinggal di-kawasan2 bandar sahaja

mendapat faedah penuh dari kemajuan dan pembangunan.

Beliau berkata, orang2 yang tinggal di-kawasan2 luar bandar sa-bahagian besar-nya ada-lah jati Brunei, dan kerajaan mesti-lah mengadakan lebih banyak kemudahan selaras dengan peredaran masa.

Beliau menambah, hanya dengan

jalan ini sahaja raayat akan berasa puas hati.

Ahli bagi Marina, Yang Berhormat Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Abu Bakar berkata, kerajaan hendak-lah memberi keutamaan kepada kawasan perpindahan di-daerah itu.

Pengiran Yusof berkata, pada masa ini terdapat ramai orang yang tidak mempunyai rumah atau tanah sendiri, dan oleh yang demikian mereka terpaksa menumpang saudara mara, sahabat2 dan tinggal di-rumah sewa yang biasa-nya kechil dan penoh sesak.


Awang Wahid bin Haji Wahab, ahli bagi Liang berkata, jalan2 kechil di-daerah itu tidak di-pelihara dengan baik.

Awang Wahid mengshorkan supaya kerajaan hendak-lah melantek buroh2 kekal untuk tujuan tersebut.

Terdahulu dari itu majlis telah meluluskan satu usol yang di-bentangkan oleh Awang Ibrahim bin Abdul Ghani, ahli bagi Lorong Tiga, yang menasihat Pegawai Daerah supaya meminta kerajaan menjadikan Jalan Bunga Kuning dan Jalan Sharif Ali sa-bagai jalan2 sa-hala.

Di-antara yang bersetuju kepada usol itu, ia-lah Yang Berhormat Awang Zainal Abidin, dan Malai Mashor bin Malai Haji Hamid, ahli bagi Pekan Seria.

Mereka berkata, mereka menyokong usol itu kerana ia-nya akan menjamin keselamatan di-dua jalan raya itu.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair ketika berangkat meninggalkan Lapau sa-lepas Istiadat mengurniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei.

ISTIADAT MENGURNIAKAN BINTANG2 DAN

(Dari Muka 1)

Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati, Darjah Ketiga — S.M.B.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Negara Pengiran Anak Abdul Wahab bin Pengiran Sabtu Kemaluddin; Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omarali ibni Al-Marhum Duli Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman; Pehin Orang Kaya Indera Dewa Haji Awang Musa bin Hitam; Awang Cheong Keong Quee dan Awang N.P. Widdowson.

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Berbahagia Darjah Ke-empat — P.S.B.

Regimental Sergeant Major T.R. Kirkhope; Awang Mohaimin bin Dato Imam Haji Mokti dan Dr. T. Panch.

Pingat Hassanal Bolkiah Sultan, Pangkat Pertama — P.H.B.S.

Dr. G.J. De Silver; Sister A. Fong; Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid; Awang Haji Beksin bin Abd. Karim; Awang Omar bin Johari; Yang Berhormat Pengiran Haji Damit bin Pengiran Sunggoh; Juru Awang Haji Muntul bin Tamit; Awang Abdul Rahman bin Tarip; Awang Merussin bin Mohammad; Awang Abdul Hamid bin Abd. Rahman; Dayang Hasnah binte Bakar; Awang Ismail bin Bakar.

Awang Mustafa bin Yusof; Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Negara Pengiran Anak Abdul Wahab bin Pengiran Sabtu Kemaluddin; Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin; Awang Haji Abdullah bin Metasan; Pengiran Salehuddin bin Pe-

PINGAT2

ngiran Paduka Tuan Sahibol Karib Pengiran Haji Abu Bakar; Awang Abdul Salam bin Abdul Razak; Pehin Kapitan China Kornia Di-Raja Awang Lim Teck Ho; Dato Setia Lt.-Col. H. Burrows; Dato Setia Col. Moran; Capt. Awang Musa bin Yakub; 2nd Lt. Ak. Abidin bin Pengiran Ahmad; Chief Inspector Awang Metali bin Osman; Pengiran Damit bin Pengiran Metussin.

A.S.P. Awang Abu Zar bin Abu Bakar; Dato Paduka Awang G.E. Coster; Mr. Harris; Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Di-Raja Pengiran Anak Chuchu bin Pengiran Muda Mohamad Salleh; Yang Di-Muliakan Pehin Sanggamara Askar Di-Raja Major S.D. Butterell; Dr. Hart; Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman; S.M. Al-Johari; Yang Berhormat Pehin Datu Laila Setiawan Dato Seri Laila Jasa Awang William Henry Doughty; Dato Paduka Awang Mohamad Taib bin Awang Besar; Dato Paduka Awang Abdul Ghani bin Jamil; Awang Haji Hassan bin A. Othman; Awang Ahmad bin Jambul dan Awang Md. Said bin Zakaria.

Pingat Hassanal Bolkiah Sultan, Pangkat Kedua — P.H.B.S.

Awang Ismail bin Awang; Awang Abdul Karim bin Puteh; Awang Wong Siew Kuan; Awang Ibrahim bin Safar; Awang Mahadi bin Hussin; Ismail bin Boto; Awang Mohd. Noor bin Awang; Awang Mohd. Zain bin Harun; Sgt. Awang John Ebert; Sgt. Awang Md. Ali bin Omar; Sgt. Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Abbas; Sgt. Awang Abdullah bin Metamit; Pengiran Johari bin

Pengiran Ahmad; Awang Alias bin Md. Daud.

Awang Chin Yun Sang; Awang Alfred Bong Thiam Leong; Awang Haji Abu Hanifah bin Md. Said; Awang Kamaluddin bin Penyurat Haji Abu Bakar; Dayang Evelyn Keasberry; Awang Mohaimin bin Dato Imam Haji Mokti; Pengiran Ja'afar bin Pengiran Hitam; Awang Wasul Falah; Awang Abdul Aziz-Atan bin Abdullah; Awang Abdul Rahman bin Ismail; Damong Awang Haji Mohiddin bin Abd. Latif; Orang Kaya Indera Negara Awang Jaraie bin Orang Kaya Singa Mentri Awang Gador; Awang Abdul Rahman bin Bakar; Awang Yusof bin Bulat; Awang Ahmad bin Tamin.

Awang Abdul Latif bin Jerudin; Orang Kaya Pekerma Indera Awang Jili bin Ibrahim; Awang Sabli bin Haji Metussin; Awang Abdul Hamid bin Kassim; Awang Haji Mohd. Tarif bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Awang Haji Mohammad; Awang Ibrahim bin Tinggal; Awang Mahalee bin Haji Abdullah; Awang Abdul Hamid bin Mohd. Daud; Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah; Awang Haji Khalidi bin Haji Abd. Karim; Awang Abdul Kadir bin Awang; Dayang Maimunah binte Hussain; Awang Yahya bin Md. Yusof; Awang Abdul Hamid bin Haji Hitam; Awang Chua Kong Soo; Awang Abdul Rashid bin Hussain; Awang Mohd. A'i bin Salleh; Awang Hussain bin Penyurat Mat Seruddin; Awang Serudin bin Pehin Tuan Imam A. Rahman dan Awang Ong Kim Kee.

Pingat Jasa Kebaktian — P.J.K.

Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid.